

# Jabatan Peguam Negara tutup kes Anwar, Yusoff

BH-15/11/2020 mld: 6

Tidak cukup bukti, wujud percanggahan fakta material untuk dakwa sesiapa

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman dan Ilah Hafiz Aziz  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Jabatan Peguam Negara menutup kes dakwaan perlakuan tidak senonoh Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap bekas penyelidik PKR, Muhammed Yusoff Rawther.

Peguam Cara Negara, Datuk Engku Nor Faizah Engku Atek, berkata pihaknya mendapati ti-

dak cukup bukti untuk mendakwa sesiapa termasuk Anwar dalam kes berkenaan.

Katanya, wujud percanggahan fakta material yang tidak dapat menyokong sebarang pendakwaan terhadap mana-mana individu mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan, atau mana-mana seksyen lain mengikut kanun sama.

"Kami juga mendapati tidak ada cukup keterangan untuk membuat pertuduhan mengenai laporan polis yang dibuat berdasarkan keterangan yang ada dalam kertas siasatan.

"Dalam hal keadaan yang demikian, kami bersetuju dengan saranan PDRM supaya kes ini ditutup," katanya menerusi kenyataan dimuat naik dalam laman sesawang Pejabat Peguam Negara semalam.

Bagaimanapun, beliau berkata, berdasarkan amalan standard, penyiasatan bagi kes itu akan

dibuka semula jika ada penemuan bukti baharu.

Engku Nor Faizah juga menegaskan Peguam Negara, Tan Sri Tommy Thomas, tidak mencampuri segala pertimbangan mengenai siasatan itu sejak dari awal kerana hubungannya dengan Anwar sejak pertengahan 1990-an.

"Oleh yang demikian, Timbalan Pendakwa Raya (DPP) di bawah kendaliannya dipertanggungjawab untuk menilai setiap bukti dan menentukan keputusan ini," katanya.

Muhammed Yusoff membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sentul, pada 7 Disember lalu, meminta polis menyiasat akuan berkanunnya yang antara lain mendakwa diperlakukan secara tidak senonoh oleh Anwar.

Malah, dia juga menjalani ujian poligraf selama empat jam di Bukit Aman selepas memberi ke-

terangan berhubung dakwaannya itu.

Bagaimanapun, Anwar menafikan keras dakwaan Muhammed Yusoff dan turut membuat aduan polis.

Sementara itu Anwar berkata, tindakan undang-undang terhadap Muhammed Yusoff Rawther akan diteruskan dan beliau tidak dapat memaafkan tuduhan yang dilemparkan kerana menghina dirinya.

"Meski dakwaan yang sah tidak boleh diketepikan dan harus disiasat sesuai dengan proses hukum, namun saya tidak dapat memaafkan tuduhan yang jelic, semberono dan yang menghina terhadap saya.

"Untuk memastikan keadilan ditegakkan, tindakan undang-undang yang dimulakan sebelum ini akan diteruskan," katanya dalam hantaran di akaun Twitter beliau, semalam.